

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]
TARIKH : 21.11.2016 (ISNIN)

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan keberkesanan Kementerian dalam membasmi kenaikan dan penipuan harga barang daripada pelaksanaan GST beserta statistik kejayaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah bertindak tegas dalam menangani isu-isu pencatutan susulan pelaksanaan GST. Kementerian telah melaksanakan **OPS CATUT bermula 15 Januari 2015** di seluruh negara sebagai langkah penguatkuasaan dalam usaha menangani isu harga barangan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011. Operasi diteruskan sehingga ke hari ini dan penguatkuasaannya telah dipertingkatkan ke atas semua rangkaian perniagaan dalam negara.

Sehingga 20 November 2016, sebanyak **2.14 juta pemeriksaan** telah dijalankan. Daripada pemeriksaan tersebut sebanyak **4,423 Notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang disyaki mencatut kerana telah menaikkan harga untuk memberi notifikasi. Hasil tindakan ini sebanyak **364 kertas siasatan pencatutan telah dibuka**.

Sehingga kini, sebanyak **45 kes** telah **didakwa** di Mahkamah Sesyen Khas Antipencatutan di mana sejumlah **41 kes** telah **selesai didakwa** serta dijatuhkan hukuman dengan **denda keseluruhan berjumlah RM797,000**. Jumlah kes yang telah **dikompaun** pula ialah sebanyak **23 kes** Sehingga kini, **21 kes telah selesai dikompaun** dengan jumlah keseluruhan **RM204,000**.

Kementerian ini, sebagai sebuah **Caring Ministry**, akan memastikan tanggungjawab untuk menjaga kesejahteraan rakyat yang diamanahkan oleh Kerajaan terus dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Dengan ini,

Kementerian tidak akan berkompromi dan akan bertindak tegas terhadap mereka yang mengambil kesempatan mengeksploitasi harga dan menjejas kepentingan pengguna.